



اُيُتِمُّوْهُ سَيِّدِي تَكْنُوْلُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

SIRI KOMPETENSI

Nur Amylia Atira binti Sabarudin & Mohamad Aliff bin Suhaimi



UiTM Kampus Seremban, 10 November 2024 – Exco Korporat dan Perhubungan Luar telah melancarkan satu perjumpaan bersama kesemua Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (SJPK) sesi 2024 pada jam 14:00 petang bertempat di Bilik Gerakan JPK. Siri Kompetensi AJK Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada SJPK berkenaan Pengetahuan Asas bagi menguruskan program - program secara am. Sebagaimana kita tahu, JPK antara persatuan yang sarat dengan pelbagai jenis program yang dianjurkan setiap semester. Inisiatif ini dijalankan supaya SJPK lebih bersedia dan mahir dalam tugas yang akan diberi dalam setiap program yang bakal dijalankan.



Pelbagai agenda penting telah dibincangkan, ini termasuk kronologi pelaksanaan program, pembahagian tugas biro, dan strategi untuk memastikan keberkesanan setiap program yang dijalankan. Penekanan juga diberikan terhadap falsafah tugas yang menekankan nilai seperti amanah, pengurusan masa, dan kebijaksanaan dalam melaksanakan tanggungjawab. Nilai – nilai ini penting supaya ia dapat menjadi teras individu mapan.



Setiap biro seperti Biro Program, Biro Multimedia, Biro Logistik dan lain - lain telah diberikan satu garis panduan jelas mengenai skop tugas masing – masing. Dengan berakhirnya mesyuarat ini, Exco Korporat dan Perhubungan Luar berharap agar ia memberi manfaat secukupnya bagi mereka melaksanakan tanggungjawab mereka secara cekap dan mantap.